



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Pontian,
JKR 1927P, Jalan Alsagoff,
82000 Pontian,
Johor Darul Ta'zim.

No. Tel : 07-6894000
No. Faks : 07-6876610

No. Rujukan : jpa6008.26/500-4/1/12 JLD.3 (9)

Tarikh : 04 Jun 2020

Guru Besar
Sekolah – Sekolah Daerah Pontian

Tuan,

BORANG PENYATA PERUBAHAN (KEW 8) BAGI BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2020 & BAYARAN BANTUAN KHAS AIDILFIRTI 2020 BAGI GURU INTERIM, GURU GANTI KUMPULAN GURU SIMPANAN KEBANGSAAN (KGSK) & PPM (PSH)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah di rujuk.

2. Seperti tuan / puan sedia maklum, pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2020 adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2020. Pekeliling tersebut telah menyatakan bahawa BKK Tahun 2020 sebanyak RM500 layak diberikan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Gred 56 dan ke bawah. Pegawai yang layak antaranya ialah pegawai lantikan tetap, sementara dan contract of service. BKK Tahun 2020 ini juga dipanjangkan kepada guru interim dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada **23 April 2020** dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut,

3. Manakala pemberian Bantuan Khas Aidilfitri berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2020 yang turut dipanjangkan kepada guru interim dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada **20 Mei 2020** dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut,

4. Sehubungan itu Tuan / puan adalah diminta untuk menghantar borang penyata perubahan tersebut bersama dokumen sokongan seperti berikut bagi pegawai – pegawai yang berkelayakan iaitu :

- 1) Borang Penyata Perubahan (KEW 8)
- 2) Salinan surat Perlantikan Pegawai yang telah disahkan
- 3) Salinan kew 8 perlantikan pegawai yang telah disahkan, dan
- 4) Salinan Kad pengenalan pegawai yang telah disahkan

Bersama ini juga disertakan contoh borang penyata perubahan (Kew 8) serta pekeliling berkaitan untuk rujukan pihak tuan / puan. Kerjasama tuan amatlah kami hargai, sebarang pertanyaan pihak tuan boleh menghubungi pegawai kami Pn. Norfatina Najihah Binti Nor Rahmat, Pegawai Eksekutif N29, Sektor Pengurusan (Unit Sumber Manusia, ICT & Pentadbiran am) di talian 07-6894000.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI JASNI BIN OMAR)

Pegawai Pendidikan Daerah Pontian

Pejabat Pendidikan Daerah Pontian